



PEKELILING PENYEDIA LATIHAN BIL. 3/2003

**TUNTUTAN YURAN LATIHAN DI BAWAH SKIM LATIHAN GRADUAN DAN SKIM
LATIHAN PEKERJA YANG DIHENTIKAN KERJA DAN PENGANGGUR**

1. TUJUAN

Tujuan pekeliling ini adalah untuk memaklumkan kepada penyedia latihan yang mengambil bahagian dalam Skim Latihan Graduan dan Skim Latihan Pekerja Yang Dihentikan Kerja dan Penganggur mengenai kelayakan untuk menuntut yuran latihan sebanyak 50% dari kadar yuran yang diluluskan bagi pelatih yang menghadiri latihan di antara 50% hingga 74% dari jumlah latihan yang sepatutnya dihadiri oleh pelatih.

2. KEHADIRAN PELATIH

- 2.1 Pekeliling Penyedia Latihan Bil 1/2002 yang berkuatkuasa pada 16 April 2002 telah menetapkan bahawa penyedia latihan tidak layak menuntut yuran kursus di bawah Skim Latihan Graduan ataupun Skim Latihan Pekerja Yang Dihentikan Kerja dan Penganggur sekiranya kehadiran pelatih adalah kurang dari 75% dari keseluruhan tempoh latihan yang wajib dihadiri oleh mereka. Dalam hubungan ini, hanya kehadiran pelatih sebanyak 75% dan lebih sahaja melayakkan penyedia latihan membuat tuntutan yuran latihan.
- 2.2 Memandangkan penyedia latihan merupakan "strategic partner" dalam melaksanakan program-program PSMB dan pemberhentian pelatih adalah di luar kawalan penyedia latihan, PSMB telah memutuskan bahawa penyedia latihan juga layak untuk membuat tuntutan separuh (50%) daripada yuran kursus sekiranya kehadiran pelatih adalah di antara 50% hingga 74% daripada keseluruhan hari latihan yang ditetapkan bagi sesuatu kursus, sesuatu modul atau kombinasi beberapa modul. Walau bagaimanapun, tiada yuran yang layak dituntut oleh penyedia latihan bagi kehadiran pelatih yang kurang dari 50%.
- 2.3 Penyedia latihan adalah diminta mengambil maklum bahawa syarat-syarat yang ditetapkan dalam Pekeliling Penyedia Latihan Bil. 1/2002 bertarikh 28 Mac 2002 masih lagi terpakai. Pekeliling ini hanya memaklumkan bahawa penyedia latihan boleh membuat tuntutan yuran latihan bagi kehadiran di antara 50% hingga 74% dari keseluruhan tempoh latihan yang ditetapkan.
- 2.4 Adalah dimaklumkan bahawa peraturan yang membenarkan penyedia latihan membuat tuntutan yuran latihan bagi kehadiran pelatih di antara 50% hingga 74% ini hanya terpakai bagi permohonan yang diluluskan di bawah Skim Latihan Graduan dan Skim Latihan Pekerja Yang Dihentikan Kerja dan Penganggur yang dilaksanakan semula pada 26 September 2002 dan 29 Januari 2003 yang lalu. Dalam hubungan ini, penyedia latihan diminta untuk mengemukakan semula tuntutan baru bagi kehadiran di antara 50% hingga 74% dari keseluruhan tempoh latihan yang ditetapkan.
- 2.5 Untuk mendapatkan keterangan lanjut, pegawai PSMB yang boleh dihubungi

adalah:-

(i) Hisyamuddin bin Mohd Hassan
(nombor telefon : 03-20984901) ; dan

(ii) Norlina binti Md Anjazi
(nombor telefon : 03-20984900)

3. TARIKH KUAT KUASA

3.1 Pekeliling Penyedia Latihan ini adalah berkuatkuasa serta-merta.

Sekian, terima kasih

**"PEKERJA TERLATIH MENJANA KECEMERLANGAN"
"K-PEKERJA PEMANGKIN KECEMERLANGAN NEGARA"**

Yang ikhlas,

(MEJ(B) VAN WENG HONG)

Pengarah
Bahagian Geran Latihan
b.p Ketua Eksekutif
Pembangunan Sumber Manusia Berhad

